

26 MAR 2000

Adnan-Peniaga

MASYARAKAT PENIAGA CINA PAHANG SOKONG BN 100 PERATUS

MENTAKAB, 26 Mac (Bernama) -- Masyarakat peniaga Cina di Pahang hari ini menjanjikan sokongan 100 peratus kepada calon Barisan Nasional (BN) Redzwan Harun dalam menghadapi tentangan Pas pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Sanggang 1 April ini.

Presiden Persekutuan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Pahang Datuk Lim Sing berkata sokongan itu bagi memperkukuhkan lagi kestabilan politik negara yang diusahakan BN di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kami juga menyokong kepimpinan Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob yang bukan sahaja dinamik dan memberi perhatian kepada masalah rakyat tetapi terbuka dan senang berunding," katanya kepada pemberita selepas majlis dialog anggota persekutuan itu dengan Menteri Besar di sini.

Lim berkata kestabilan politik penting bagi peniaga dan usahawan Cina kerana ia menjamin keamanan dan membolehkan kerajaan memberi tumpuan usaha mewujudkan lebih banyak peluang dalam pelbagai bidang untuk manfaat rakyat jelata.

Sokongan kepada calon BN itu juga sebagai membuktikan terima kasih masyarakat peniaga Cina kepada Dr Mahathir dan Abdullah yang telah berjaya memulihkan ekonomi negara sehingga anggota-anggota persekutuan itu yang tenat semasa gawat juga sudah pulih kembali, katanya.

Naib Presiden persekutuan itu Datuk Koong Heng Sze pula berkata sokongan 100 peratus pengundi Cina Sanggang akan ditentukan oleh persekutuan itu melalui perjumpaan dengan pengundi Cina di sini bagi menerangkan pendirian persekutuan itu.

"Masyarakat Cina sudah melihat sendiri usaha bersungguh-sungguh kerajaan BN membangunkan negara dan mewujudkan kemudahan dan peluang bagi rakyat," katanya.

Beliau berkata segelintir pengundi Cina di kampung-kampung baru yang mengundi pembangkang pada pilihan raya umum lepas juga telah sedar bahawa mereka rugi jika mengundi Pas kerana hanya kerajaan yang mampu menyelesaikan segala masalah mereka.

"Mereka juga sedar bahawa daripada segi ideologi, Pas tidak sesuai dengan pengundi Cina dan kerjasama Pas dengan DAP hanya untuk kepentingan politik sahaja," katanya.

Adnan pula ketika mengalu-alukan sokongan padu itu berkata beliau yakin penuh terhadap jaminan yang diberikan kerana memahami tabiat orang Cina yang bergerak melalui persatuan-persatuan mereka dan jika persatuan itu menyokong BN, majoriti mereka akan turut menyokong.

Beliau berkata janji itu tidaklah bermaksud bahawa tiada ruang bagi pembangkang tetapi majoriti pengundi Cina kini menyokong perjuangan dan dasar BN yang saksama.

Mengenai dialog itu, beliau berkata persekutuan itu telah menyampaikan beberapa syor yang sangat berfaedah untuk dipertimbangkan oleh kerajaan negeri, antaranya syor berkaitan pembangunan industri dan perumahan yang berfaedah untuk kesejahteraan rakyat.

"Mereka juga bangkitkan masalah yang dihadapi kaum Cina seperti masalah tapak rumah yang tidak dapat diselesaikan setelah begitu lama dan saya akan beri perhatian untuk diselesaikan segera," katanya.

Adnan berkata beberapa masalah yang dapat beliau sebagai Menteri Besar selesaikan sudah pun diselesaikan termasuk meluluskan peruntukan membaiki

jalan yang diluluskan serta merta.

"Hubungan persekutuan dewan-dewan ini dengan kerajaan negeri sangat erat dan mereka juga menjadi satu daripada saluran bagi mengemukakan masalah rakyat kepada kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

MNY AKD